



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VI (96)

Tarikh : 16 Mei 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/1991 :
Pelaporan Kejadian Tidak Diingini Di Sekolah

Sewajarnya kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar dijadikan pertimbangan utama pada setiap masa dan pihak pentadbir sekolah telahpun diperingatkan untuk sentiasa peka dan berwaspada terhadap kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini di sekolah. Namun demikian, dari semasa ke semasa, masih terdapat kejadian di mana pelajar menjadi mangsa kepada perbuatan jenayah penceroboh yang masuk ke kawasan sekolah dan kejadian di mana pelajar sendiri melancarkan mogok, merusuh, mencedera dan bergaduh semasa sendiri.

2. Sehubungan dengan itu, kerap kali pula didapati bahawa Kementerian Pendidikan, sebagai pihak berwajib ke atas sekolah, tidak diberitahu atau dihubungi langsung mengenai kejadian yang berlaku. Laporan mengenai kejadian hanya disampaikan ke Kementerian setelah sekian hari berlaku atau setelah diminta. Sikap sesetengah pentadbir sekolah yang gagal bertindak segera menghubungi Kementerian amatlah dikesali dan perlu diperbetulkan.

3. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini semua Pengetua, Guru Besar atau Guru Penolong Kanan adalah dikehendaki DENGAN SERTA MERTA melapor segala kejadian tidak diingini yang berlaku di sekolah kepada pihak Kementerian Pendidikan, di samping menghubungi Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Kementerian Pendidikan boleh dihubungi di talian berikut :

	<u>TELEFON</u>	<u>FAKSIMILI</u>
Pejabat Menteri Pendidikan	03-2556812 03-2556835	03-2555305
Pejabat Ketua Setiausaha	03-2556827	03-2543107
Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan	03-2556823 03-2513138	03-2543107
Pejabat Pengarah Bahagian Sekolah	03-2556819 03-2513264	03-2562389
Pejabat Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	03-2558650 03-2558653	03-2544580
Pejabat Pengarah Bahagian Pendidikan Islam	03-2912521 03-2922066	03-2923504

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di bawah jagaan tuan. Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan
 10. Ketua Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan